

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 05.02.2025 MASA: 05.30PM  
**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA PANDU  
LALU DAN PENUAIAN CILI DI PUSAT PENDIDIKAN  
HIJAU TASEK GELUGOR

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**7 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)**  
**4.00 PETANG**

**PUSAT PENDIDIKAN HIJAU TASEK GELUGOR  
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**  
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras  
Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Dan Penuaian Cili

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Dan Penuaian Cili Di Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir dalam majlis petang ini. Kehadiran dan sokongan anda semua membuktikan komitmen kita bersama dalam merealisasikan pembangunan mampan di Seberang Perai.
3. Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Pendidikan Hijau Padang Cempedak kini sedang melalui proses penambahbaikan yang signifikan. Pusat ini diuruskan oleh Bahagian Persekutaran Mampan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ia dibangunkan sebagai sebuah pusat pendidikan yang menerapkan pelbagai kaedah pertanian moden seperti fertigasi, hidroponik dan tanaman kontan.
4. Penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan merangkumi, pemasangan pagar baharu yang telah disiapkan pada Ogos 2024;

pembinaan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu yang telah selesai pada 5 Februari 2025; serta pembangunan dewan terbuka yang bakal memudahkan penganjuran program komuniti. Selain itu, usaha memperkuuh kelestarian alam sekitar turut diterjemahkan melalui pembinaan pusat kompos bagi mewujudkan sistem pengkomposan yang lebih sistematik; pembangunan mini akuaponik oleh Unit Kebun dan Kompos, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran; serta pewujudan stesen kompos sisa kebun menggunakan tong sampah terpakai. Di samping itu, komitmen terhadap pendidikan dan kesedaran awam dalam bidang pertanian bandar akan terus digiatkan menerusi penganjuran Program Bengkel Pertanian Bandar di pusat pendidikan ini, sejajar dengan aspirasi ke arah pembangunan mampan dan lestari.

5. Selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa di Punca Negeri Pulau Pinang, penubuhan pusat kitar semula pandu lalu ini bertujuan untuk memudahkan penduduk sekitar dalam melupuskan barang kitar semula dengan lebih sistematik. Kawasan sekitar Pusat Pendidikan Hijau ini majoritinya terdiri daripada perkampungan yang masih bergantung kepada kaedah pengasingan sisa sendiri sebelum dihantar ke pusat kitar semula terdekat.
6. Selain itu, cadangan pembinaan dewan terbuka akan membolehkan lebih banyak program komuniti dan pendidikan dijalankan. Bengkel Pertanian Bandar yang dirancang sebagai program bulanan,

misalnya, akan memberi manfaat besar kepada komuniti serta sekolah-sekolah di Seberang Perai. Bengkel ini akan menumpukan kepada:

- a) Teknik pengkomposan sisa organik dan sisa kebun;
- b) Penyediaan medium tanaman menggunakan campuran kompos, cocopeat dan tanah hitam;
- c) Teknik semaian anak benih di tapak semaian pusat pengdidikan ini;
- d) Teknik pemindahan anak benih ke plot kebun komuniti;
- e) Penanaman anak benih (terung dan cili) menggunakan sistem fertigasi; dan
- f) Teknik penuaian hasil pertanian.

7. MBSP turut menyasarkan untuk mewujudkan dua (2) lagi pusat kitar semula pandu lalu selain dari pusat ini, di samping pusat kitar semula sedia ada di Menara Bandaraya MBSP, Bandar Perda; MBSP Cawangan Jalan Betek; dan Kompleks Makanan bersebelahan Bangunan Mahkamah Majistret Municipal Seberang Perai, Kampung Jawa, Butterworth.
8. Diharapkan dengan inisiatif ini, penduduk setempat akan lebih mudah mengasingkan sisa kitar semula dan memanfaatkan ilmu pertanian

bandar yang ditawarkan. Selain menyumbang kepada penghasilan sumber makanan yang selamat, inisiatif ini juga sejajar dengan *Sustainable Development Goals* 12 dan 13 iaitu *Responsible Consumption & Production* serta *Climate Action*. Ini adalah langkah penting ke arah menjadikan Seberang Perai sebagai bandaraya rendah karbon yang berdaya huni, selari dengan aspirasi "**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif**".

9. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang telah bertungkus-lumus dalam merealisasikan pembangunan pusat ini. Semoga usaha ini memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat dan alam sekitar.
10. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Dan Penuaian Cili Di Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***